

PERATURAN PEMARKAHAN

Soalan			Jawapan	Markah
1.	(a)	i.	Maksud manusia sebagai hamba Allah SWT. Manusia wajib mengabdikan dirinya hanya kepada Allah SWT (1m) dengan mematuhi segala suruhanNya dan menjauhi segala laranganNya (1m).	2 isi x 1 markah = 2 markah
		ii.	Dua cara manusia memakmurkan bumi : • Mentadbir dan memakmurkan alam (1m) secara terancang (1m) • Menggunakan sumber alam semulajadi (1m) secara bijaksana dan efektif (1m). • Memelihara alam daripada sebarang pencemaran (1m) dengan tidak membuang sampah merata-rata (1m) • Menggiatkan usaha pemuliharaan alam (1m) bagi memelihara kelangsungan hidup flora dan fauna (1m) • Sentiasa mendisiplinkan diri (1m) supaya sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar (1m) • Mendidik masyarakat (1m) supaya mencintai dan menyayangi alam sekitar (1m).	2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H
		iii.	Tiga kesan pengabaian tanggungjawab sebagai khalifah : • Keruntuhan akhlak di kalangan remaja Islam meningkat • Kegiatan jenayah semakin berleluasa • Masyarakat semakin kurang berilmu dan menjadi jahil • Rakyat hilang kepercayaan kepada pemimpin • Negara menjadi semakin mundur • Ekonomi negara tidak membangun • Berlaku perpecahan dan diskriminasi dalam anggota masyarakat • Syariat, peraturan dan undang-undang Allah SWT tidak dapat ditegakkan dalam negara • Masyarakat bersikap mementingkan diri sendiri.	3 isi x 2 markah = 6 markah

	(b)	i.	Contoh jawapan Menggunakan akal untuk belajar bersungguh-sungguh (I) agar menjadi insan cemerlang dalam bidang ilmu (H). Kesannya saya akan memiliki dan menguasai pelbagai ilmu merangkumi ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah (HL). Kesimpulannya, sebagai insan kita wajib memelihara akal kurniaan Allah SWT ini kerana dengan akal kita mendapat kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT berbanding dengan makhluk yang lain (K).	4 isi x 1 markah = 4 markah 1I + 1H + 1HL + 1K
		ii.	Contoh jawapan Saya mengamalkan kehidupan norma baharu (I) iaitu dengan mengamalkan 3W (kerap basuh tangan, menjaga penjarakan sosial, guna pelitup muka) dan mengelakkan 3S (tempat sesak, sempit dan tertutup, sembang dekat-dekat) (H). Kesan pengamalan ini, saya dapat menjaga diri dan mengelak dari terkena jangkitan virus covid 19 yang amat digeruni ini. (HL). Kesimpulannya sebagai warga yang bijak, kita sepatutnya mengikut nasihat yang disarankan oleh pihak MKN dan KKM ini demi untuk memastikan diri kita sentiasa sihat dalam menjalani kehidupan seharian (K).	4 isi x 1 markah = 4 markah 1I + 1H + 1HL + 1K

2.	(a)	i.	Dua adab dan etika berdasarkan Sistem Sosial Islam  Berpandukan Al-Quran dan Al-Sunah. • Perhubungan atas dasar iman dan taqwa kepada Allah SWT. • Mengutamakan kepentingan umum berbanding kepentingan individu. • Mengamalkan akhlak mulia pada setiap masa. • Menghormati kepelbagaian budaya dan adat resam.	2 isi x 1 markah = 2 markah
		ii.	Empat sumber Sistem Sosial Islam  Al-Quran. • Al-Sunnah / Al-Hadis. • Al-Ijmak. • Al-Qias. (Jawapan mesti mengikut urutan)	4 isi x 1 markah = 4 markah
		iii.	Dua aktiviti yang boleh dilaksanakan  Mengadakan aktiviti bergotong royong membersihkan persekitaran kawasan perumahan/masjid/kampung (1m) agar kehidupan lebih selesa (1m)  Mengadakan aktiviti RIMUP (Rancangan Intergrasi Murid Untuk Perpaduan) (1m) untuk menjalinkan hubungan baik antara murid pelbagai kaum. (1m)  Mengadakan aktiviti sukaneka (1m) untuk memupuk perpaduan dan keakraban dalam anggota masyarakat. (1m)  Mengadakan aktiviti ziarah menziarahi sempena hari perayaan atau kematian. (1m) supaya dapat mengeratkan silaturahim (1m).	2 isi x 2 markah = 4 markah
	(b)	i.	Jawapan : Suami (1m)	1 isi x 1 markah = 1 markah
		ii.	Tiga peranan suami  Berperanan sebagai pemimpin keluarga.  Memastikan setiap ahli keluarga mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya.  Menyediakan keperluan asas seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal.  Melindungi ahli keluarga.  Memberi pendidikan yang sempurna kepada ahli keluarga.  Berlaku adil jika berpoligami.	3 isi x 1 markah = 3 markah
		ii.	Contoh jawapan Pada pendapat saya, perkara ini TIDAK WAJAR (I) kerana suami adalah ketua keluarga	6 isi x 1

		(H1) dan tanggungjawab mencari rezeki adalah tanggungjawab utama suami (H2). Hal yang demikian, suami perlulah bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh untuk mencari nafkah kepada isteri dan anak-anak (H3). Kesannya kehidupan rumah tangga akan lebih bahagia dan harmoni (HL). Kesimpulannya, pihak suami mestilah berusaha dan mempunyai perancangan kewangan yang baik untuk menyara keluarga agar hidup kita akan sentiasa diberkati oleh Allah SWT (K). Catatan: Jawapan WAJAR diterima, hanya sekiranya calon memberikan alasan suami tidak mampu menunaikan tanggungjawab disebabkan beliau sakit, uzur serta tidak mampu untuk bekerja.	markah = 6 markah 1I + 3H + 1HL + 1K
--	--	--	---

3.	(a)	i.	Adab pergaulan dalam Islam - Menjaga tutur kata. - Berlaku adil dan ihsan. - Menghormati dan tidak menghina. - Bersangka baik. - Menjaga batas pergaulan lelaki dan perempuan. - Menjaga batas aurat.	2 isi x 1 markah = 2 markah
		ii.	Dua kepentingan sifat mahmudah dalam pergaulan - Membentuk masyarakat yang harmoni dengan saling memahami antara satu sama lain. (1m) - Memelihara kesucian dan maruah umat Islam agar tidak dipandang serong oleh. (1m) - Melahirkan manusia yang bertaqwa dengan mentaati syariat Islam. (1m)	2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H
	(b)	i.	Dua kepentingan adab dan etika berhibur menurut Islam - Meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT (1m) kerana memenuhi tuntutan syarak. (1m) - Mengetahui batasan manusia dalam berhibur (1m) agar tiada unsur maksiat. (1m) - Menjaga jiwa dan maruah diri (1m) agar tidak melampaui batasan agama. (1m) - Menghasilkan hiburan yang selari dengan akhlak Islam (1m) agar dapat dijadikan medium dakwah. (1m)	2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H
		ii.	Garis panduan yang perlu dipatuhi ialah - Bertujuan untuk perkara baik (1m) contohnya untuk mengumpul dana bagi membantu golongan yang memerlukan. (1m) - Memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat (1m) bagi mengelakkan unsur maksiat. (1m) - Tiada pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan (1m) yang boleh mengundang fitnah. (1m) - Menghormati waktu solat (1m) contohnya, konsert dimulakan selepas waktu Isyak. (1m)	2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H
		iii.	Contoh jawapan Usaha yang boleh dilaksanakan ialah dengan menghasilkan satu filem Islamik yang berunsur ketuhanan (I). Filem yang dihasilkan ini perlulah mengandungi jalan cerita yang berfaedah serta memberi pengajaran (H1), tiada unsur syirik dan khurafat di dalam filem tersebut (H2) dan mengandungi unsur-unsur dakwah (H3). Kesannya, penonton akan memperoleh ilmu berfaedah serta dapat meningkatkan iman selepas menontonnya (HL). Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita perlulah memilih hiburan yang boleh meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT agar hidup diberkati-Nya (K)	6 isi x 6 markah = 6 markah 1I + 3H + 1HL + 1K
4.	(a)	i.	Dua prinsip kehakiman - Merujuk kepada wahyu rabbani. - Menegakkan keadilan dan menentang kezaliman. - Menyeru kebaikan serta mencegah kemungkaran. - Mengamalkan adab dan akhlak Islam.	2 isi x 1 markah = 2 markah

		ii.	Empat jenis kesalahan jenayah • Hudud • Qisas • Takzir • Diat	4 isi x 1 markah = 4 markah
		iii.	Dua syarat kesaksian • Saksi mestilah baligh, sempurna akal, amanah dan bebas daripada sebarang keraguan. • Saksi tidak bermusuhan dengan orang yang didakwa. • Bilangan saksi sekurang-kurangnya 2 orang lelaki atau 1 orang lelaki dan 2 orang perempuan yang adil (bagi sesetengah kes). Bagi kes zina, 4 orang lelaki sebagai saksi.	2 isi x 2 markah = 4 markah
		(b) i.	Dua peranan hakim supaya penghakiman berjalan dengan lancar dan sempurna • Menjatuhkan hukuman secara adil dan saksama (1m) supaya kewibawaan hakim dipandang tinggi. (1m) • Menjatuhkan hukuman dalam keadaan tenang (1m) supaya tidak tersalah membuat keputusan. (1m) • Menjatuhkan hukuman tanpa ragu-ragu kepada pesalah (1m) supaya jenayah dapat dibendung. (1m) • Membebaskan tertuduh jika terdapat keraguan dari segi bukti dan hujah (1m) supaya tidak berlaku penganiayaan. (1m)	2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H
		ii.	Contoh jawapan Salah faham ini hanyalah tanggapan yang tidak berasas (I) kerana Islam sangat menitik beratkan keadilan dalam pelaksanaan hukum (H1). Hukum jenayah Islam lengkap dan merangkumi semua aspek kehidupan manusia (H2). Selain itu, ia bersifat mendidik jiwa manusia supaya takut akan pembalasan Allah SWT (H3). Sebagai contoh, syarat untuk dikenakan hukuman hudud amat ketat bagi memastikan tiada pihak yang dizalimi (HL). Kesimpulannya, hukum jenayah Islam sangat praktikal dan masih relevan diamalkan sehingga kini kerana ianya dari Allah SWT yang bersih dari sebarang kelemahan dan kekurangan (K).	6 isi x 6 markah = 6 markah 1I + 3H + 1HL + 1K
5.	(a)	i.	Maksud pengurusan Islam 🎥 Mengguna serta menyelenggara sumber manusia dan sumber alam untuk kebajikan manusia.	1 isi x 2 markah = 2 markah
		ii.	Empat ciri pentadbir dan pengurus yang baik • Beriman • Amanah • Berwawasan • Ikhlas • Positif • Inovatif • Dinamik • Integriti	4 isi x 1 markah = 4 markah

		iii.	Dua kesan mentadbir dan mengurus tidak mengikut syariat - Hilang sokongan daripada orang bawahan (1m) kerana pentadbir tidak berlaku adil. (1m) - Berlaku pertelingkahan (1m) kerana rasa tidak puas hati daripada orang bawahan. (1m) - Berlakunya kemunduran organisasi dan negara (1m) kerana pentadbiran tidak cekap. (1m)	2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H
		iv.	Dua tindakan bagi merealisasikan tadbir urus Islam dalam organisasi - Mengadakan mesyuarat dalam segala urusan supaya keputusan terbaik dicapai. (1m) - Menjaga kebajikan setiap pekerja agar mereka berasa dihargai. (1m) - Memberi penghargaan kepada staf cemerlang agar dapat meningkatkan motivasi. (1m)	2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H
		b	Contoh jawapan - Beliau perlu menegur serta menasihati pekerja tersebut (1m) agar meninggalkan perbuatan yang menyalahi peraturan (1m). Sebagai seorang pekerja, kita perlulah sentiasa menepati masa dan amanah agar rezeki diberkati Allah SWT. (1m) - Beliau perlu memberi penghargaan kepada pekerja tersebut (1m) dengan memberikan hadiah atau sijil penghargaan (1m). Hal ini dapat meningkatkan motivasi pekerja tersebut dan rakan-rakan yang lain untuk terus cemerlang (1m).	3 isi x 2 = 6 markah 1I + 1H + 1K
6.	(a)	i.	Maksud rakyat  Seluruh penduduk dalam sesebuah negara yang berkewajipan untuk mentaati khalifah selagi tidak bercanggah dengan syariat Islam.	1 isi x 2 markah = 2 markah
		ii.	Empat syarat untuk menjadi khalifah  Seorang Muslim yang mukmin.  Lelaki. - Berilmu - Adil dan saksama - Berkemampuan dari segi mental dan fizikal  Berakhlak mulia dan berani	4 isi x 1 markah = 4 markah
		iii.	Dua hak rakyat dalam sistem pemerintahan Islam - Hak memilih khalifah untuk mentadbir dan memerintah negara. (1m) - Hak mendapat pendidikan bagi menjamin masa depan hidup. (1m) - Hak mendapat perlindungan dan jaminan keselamatan berdasarkan undangundang Islam. (1m) - Hak kebebasan bersuara dan memberi pendapat selagi tidak bertentangan syariat. (1m)	2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H

	(b)	i.	Dua kesan pengabaian tanggungjawab khalifah - Mendapat kemurkaan Allah SWT (1m) kerana tidak menunaikan amanah. (1m)  - Berlaku penyelewengan dalam pentadbiran (1m) kerana ketidakadilan khalifah. (1m) - Pengagihan harta negara secara zalim (1m) kerana khalifah tidak adil. (1m) - Terdedah kepada ancaman musuh (1m) kerana rahsia negara dibocorkan. (1m)	2 isi x 2 markah = 4 markah 1I + 1H
		ii.	Contoh jawapan Kepimpinan yang baik akan mendapat keredaan Allah SWT (I) kerana pemerintahan berteraskan al-Quran dan al-Hadis serta ditadbir urus dengan baik (H), manakala kepimpinan yang buruk dimurkai Allah SWT (I) kerana berlaku penyelewengan dalam pentadbiran, salah guna kuasa, tidak amanah dan pengagihan harta secara tidak adil (H). Kesannya, kepimpinan yang baik menjadikan negara sejahtera, rakyat hidup dengan harmoni dan dilimpahi rezeki dari Allah SWT (HL). Kesimpulannya, sebagai pemimpin yang dilantik mereka perlulah menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah kerana ia akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. (K)	6 isi x 1 markah = 6 markah 2I + 2H + 1HL + 1K

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT